

Nama:

Kelas:

Tarikh:

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Alam Melayu. Apakah gelaran bagi Alam Melayu tersebut?

Pada masa dahulu, Alam Melayu terdiri daripada gugusan tanah luas terbentang menghubungkan kawasan daratan dengan kepulauan.

A.Dunia Melayu
C.Asia Tenggara

B.Pentas Sunda
D.Kepulauan Melayu

2. Kerajaan Majapahit telah berkembang sejak abad ke 13. Apakah nama pusat kerajaan Alam Melayu tersebut?

A. Pangkalan

B.Indrapura

C.Harihalaya

D.Kota Trowulan

3. Kerajaan berikut berkembang di Alam Melayu antara abad pertama hingga abad kesembilan. Apakah persamaan lokasi pengasasan kerajaan tersebut?

- Kerajaan Angkor

- Kerajaan Funan

- Kerajaan Kedah Tua

A.Bukit Tinggi B.Lembah sungai C.Pesisiran Pantai D.Kawasan pedalaman

4. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Alam Melayu. Apakah kerajaan Alam Melayu yang sezaman dengan kerajaan luar tersebut?

- Empayar Rom

- Empayar Parsi

A.Kerajaan Funan
C.Kerajaan Srivijaya

B.Kerajaan Angkor
D.Kerajaan Majapahit

5. Mengapakah kerajaan Kedah Tua menjalin hubungan diplomatik dengan China pada abad ketujuh?

A.Memohon bantuan ketenteraan
B.Meningkatkan hubungan keagamaan
C.Memperkukuhkan hubungan perdagangan
D.Memulihkan hubungan selepas peperangan

6. Bagaimanakah kerajaan Alam Melayu mengadakan hubungan dengan kerajaan luar?

A.Kesenian

B.Kebudayaan

C.Perkahwinan

D.Perdagangan

7. Hubungan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar telah bermula dari abad pertama hingga abad ke 15. Apakah kesan hubungan luar tersebut terhadap Alam Melayu?

A.Meningkatkan pertukaran teknologi
C.Membawa kemakmuran ekonomi

B.Mengukuhkan sistem ketenteraan
D.Membaiki taraf hidup masyarakat

8. Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan kerajaan Angkor. Apakah faktor kejayaan tersebut?

**Menghasilkan beras
yang mencukupi untuk
menampung keperluan
rakyat.**

A.Membuka kawasan baru
C.Membawa masuk buruh luar

B.Membina sistem pengairan
D.Menggunakan tanaman bergilir

9. Yuvaraja telah dilantik sebagai pembantu raja dalam kerajaan Srivijaya. Apakah maksud Yuvaraja?


A.Putera sulong
B.Raja Kechil
C.Raja Muda
D.Putera Mahkota

10. Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran wilayah kerajaan Srivijaya. Siapakah pentadbir X?

Pentadbiran	Keturunan
Kedatuan	Datu berketurunan Raja
X	Datu bukan berketurunan raja

A.Pradatuan
B.Pakuwaan
C.Kabupaten
D.Kebuyutan

11. Rajah berikut merujuk kepada sebuah kerajaan Alam Melayu. Apakah kerajaan X?



A.Majapahit
B.Srivijaya
C.Angkor
D.Kedah Tua

12. Apakah kegunaan gaharu oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu?

A.Bahan pewangi
C.Bahan kraftangan

B.Bahan makanan
D.Barang perhiasan

13. Maklumat berikut merupakan hasil hutan dan hasil laut yang terdapat di kerajaan Alam Melayu. Apakah kegunaan antara kedua-dua hasil tersebut?

- Gamat

- Sarang burung

A.Bahan binaan
C.Bahan perubatan

B.Bahan kraftangan
D.Barang perhiasan

14. Apakah kerajaan Alam Melayu yang menggunakan kalender Saka?

A.Kerajaan Funan
C.Kerajaan Champa

B.Kerajaan Angkor
D.Kerajaan Srivijaya

15. Gambar berikut berkaitan Batu Bersurat Cherok Tok Kun di Pulau Pinang. Apakah bahasa yang ditulis pada batu bersurat tersebut?



A.Bahasa Arab B.Bahasa Khmer C.Bahasa Melayu D.Bahasa Sanskrit

16. Siapakah yang mengarahkan Angkor Wat dibina pada abad ke 12?

A.Raja Harshavarman II
C.Raja Jayavarman IV

B.Raja Suryavarman II
D.Raja Yasovarman I

17. Apakah peranan rakyat merdeka dalam struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu?

A.Menjana ekonomi kerajaan
C.Meningkatkan status pemiliknya

B.Mendukung sistem pentadbiran
D.Memberi khidmat dalam sosioekonomi

18. Agama Islam telah tersebar di Champa sejak abad ke lapan. Apakah kesan penyebaran agama Islam tersebut?

A.Tulisan jawi berkembang luas
B.Tulisan kawi dijadikan tulisan rasmi
C.Bahasa Sanskrit sebagai bahasa utama
D.Bahasa Khmer menggantikan bahasa Melayu

19. Masyarakat kerajaan Champa telah menggunakan tulisan Palava sejak abad keenam. Apakah bukti masyarakat Champa menggunakan tulisan tersebut?

A.Penemuan tulisan di dinding gua
C.Penemuan batu bersurat

B.Penemuan ukiran di istana
D.Penemuan inskripsi

20 . Beberapa binaan patung Buddha telah ditemui di beberapa lokasi di kerajaan Gangga Negara. Di manakah lokasi tersebut?

- I Sungai Siput
- II Bagan Datok
- III Lembah Kinta
- IV Tanjung Rambutan

A.I dan II B.I dan IV C.II dan III D.III dan IV

21. Apakah tujuan masyarakat kerajaan Alam Melayu memiliki agama dan kepercayaan?

- A.Memudahkan urusan pekerjaan mereka
- B.Meningkatkan jalinan hubungan diplomatik
- C.Mengatasi ancaman keselamatan kuasa luar
- D.Memberikan panduan dalam kehidupan seharian

22. Masyarakat Alam Melayu menganggap kehidupan mempunyai semangat dan roh. Apakah kepercayaan tersebut?

A. Animisme B.Dinamisme C.Buddhisme D.Konfusianisme

23. Penyembahan nenek moyang merupakan salah satu amalan masyarakat Alam Melayu. Apakah gelaran amalan tersebut?

A.Ciri B.Mana C.Miring D.Hyang

24. Apakah kepercayaan masyarakat Alam Melayu yang dikaitkan dengan kekuatan atau semangat?

A.Siamiese B.Hinduisme C.Dinamisme D.Kolonialisme

25. Mengapakah masyarakat Alam Melayu melakukan penyembahan nenek moyang?

- A.Menghindarkan kesusahan di dunia
- B. Mengelakkan pencemaran alam
- C.Meningkatkan kesuburan tanah
- D.Meningkatkan hasil tanaman

26. Agama Hindu telah tersebar dalam kalangan masyarakat kerajaan Champa. Apakah bukti penyebaran agama tersebut?

- A.Angkor Wat
- B.Candi Po Nagar
- C.Hikayat Mahabhrata
- D.Batu Bersurat Karang Brahi

27. Kerajaan Srivijaya telah mengadakan hubungan persahabatan dengan kerajaan China pada abad ketujuh. Apakah bukti kerajaan Srivijaya telah mengadakan hubungan persahabatan tersebut?

- A.Melakukan perkahwinan diraja
- B.Mengirim utusan persahabatan
- C.Menghantar bantuan ketenteraan
- D.Membantu menyelesaikan pemberontakan

28. Parameswara merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Apakah lokasi pengasasan pemerintahan tersebut?

- A.Muara Sungai Melaka
- B.Muara Sungai Johor
- C.Muara Sungai Linggi
- D.Muara Sungai Bertam

29. Kesultanan Melayu Melaka telah menggunakan mata wang dalam urusan jual beli. Apakah nama mata wang timah Kesultanan Melayu Melaka?

- A.Cowrie
- B.Ducats
- C.Kupang
- D.Calains

30. Kegagalan rundingan telah menyebabkan Portugis melakukan serangan kepada Melaka mulai tahun 1511. Siapakah tokoh Portugis yang memimpin serangan tersebut?

- A.Vasco da Gama
- B.Lopez de Sequeira
- C.Christopher Colombus
- D.Alfonso de Albuquerque

Rajah 1 berkaitan Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Namakan pembesar X,Y dan Z.

X=

Y=

Z =

Pembesar berempat

Pembesar Enam Belas

Pembesar Berlapan